



جابتن أكام إسلام فيراق  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Pengerusi Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat  
Seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil (62) JAIPK/BPM/08/03 Jld 2

Tarikh : 14 Jamadilakhir 1442H  
27 Januari 2021M

YABhg. Tan Sri/YB Dato' Seri/YBhg Dato'/Tuan,

### BACAAN SURAH AL-MULK SELEPAS SOLAT FARDHU DI MASJID DAN SURAU NEGERI PERAK

Didoakan YBhg Dato'/Tuan berada dalam rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T selalu. Dengan hormatnya saya diarahkan menarik perhatian mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, fadhilat dan kelebihan membaca surah Al-Mulk dapat menghindarkan pembacanya dari azab kubur dan mendapat syafaat. Ia berdasarkan kepada hadis daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ سُورَةَ فِي الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِصَاحِبِهَا حَتَّىٰ غُفِرَ لَهُ: تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ

"Maksudnya: Sesungguhnya surah dalam al-Quran padanya 30 ayat, dapat memberi syafaat kepada seorang lelaki sehingga diampunkan. Ia adalah surah al-Mulk."

Riwayat Ibn Majah (3786)

3. Justeru, jabatan menggalakkan pembacaan Surah Al-Mulk secara berjemaah yang diketuai oleh Pegawai Masjid (Imam) yang bertugas selepas solat fardu mengikut kesesuaian waktu di masjid dan surau di kariah YBhg Dato'/Tuan.

4. Sehubungan dengan itu, semoga pelaksanaan amalan pembacaan surah Al-Mulk di masjid dan surau dalam kariah tuan akan mengundang kerahmatan dan keberkatan dari Allah SWT kepada ahli kariah, negeri dan negara amnya. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

( DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN )

Pengarah.



myusop@perak.gov.my



05-2084800 / (F) 05-2555512

- s.k
- Orang Besar Jajahan Daerah
  - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
  - Pegawai Tadbir Agama Daerah
  - Fail Timbul

**SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN**